

Your Import And Export
Gateway To The World



BULETIN
ipoh cargo terminal

Taklimat Berkenaan Sistem fasa II dari Rank Alpha.

Kursus Membentuk Keterampilan Diri Melalui Budaya Kerja Cemerlang.



Bagi merealisasikan cita-cita murni Negara untuk menjadi sebuah Negara maju berteknologi tinggi menjelang 2020, berbagai usaha harus digerakkan mulai sekarang.



Pembangunan kakitangan juga merupakan faktor utama kepada kejayaan dan pencapaian matlamat Syarikat, Sehubungan dengan itu, ICT telah menghantar sebahagian kakitangan mereka untuk

menghadiri kursus "Membentuk Keterampilan Diri Melalui Budaya Kerja Cemerlang" selama 3 hari yang bertempat di "Trolak Country Resort", Sungkai, Perak. Semoga dengan pendedahan yang diperolehi dari kursus ini, kakitangan ICT dapat memanfaatkan segala ilmu pengetahuan yang berguna ke arah meningkatkan lagi kecemerlangan diri dan Syarikat.



Satu Taklimat telah diberikan oleh Rank Alpha berkenaan sistem baru fasa kedua telah diadakan pada 12 Januari 2006 jam 10.00 pagi bertempat di Bilik mesyuarat ICT. Ketua Pegawai Eksekutif, En Hilmi Bin Hasan dan pegawai yang terlibat telah hadir untuk mendengar taklimat yang diberikan oleh Rank Alpha Technologies.

Majlis Makan Malam NYS Group of Company

Pada 19 Mac 2006 bertempat di Hotel Concorde, Kuala Lumpur jam 8.00 malam, Ketua Pegawai Eksekutif, En Hilmi Bin Hasan telah menghadiri Majlis Makan Malam NYS Group of Company.

Lawatan ke Pelabuhan, Pelabuhan Darat Dan Cambodian Railway.



En Hilmi Bin Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif, En Azman Bin Jalaludin, Pengurus Kewangan & Pentadbiran, En Abd Radzak Bin Abd Malek, Pengurus Besar Freight Sbu, KTMB dan En Redzuan Bin Othman, Pengurus Penggalakan Pembangunan & Perindustrian PKNP, telah membuat lawatan ke Pelabuhan Darat di Cambodia pada 27 - 29 Mac 2006. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengambil peluang-peluang perniagaan dari Negara-negara Indo - China.



Perlantikan Baru



Puan Sabtiah Bt Abu Kassim merupakan kakitangan baru di ICT. Beliau menjawat jawatan sebagai Pengurus Unit Pembangunan & Perniagaan berkuatkuasa pada 6 Februari 2006.

En Mohd Radhi Bin Mohd Salleh merupakan kakitangan baru di ICT. Beliau menjawat jawatan sebagai pemandu kepada En Hilmi Bin Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif dan merangkap kerani dispatch berkuatkuasa pada 1 Mac 2006.

Lawatan dari KTMB Port Klang



KTMB cawangan Port Klang telah mengadakan lawatan ke ICT pada 9 Februari 2006 jam 11.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat ICT. Ketua Pegawai Eksekutif, En Hilmi Bin Hasan telah mengalu-alukan kedatangan mereka. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengetahui dengan lebih dekat lagi bagaimana ICT beroperasi.

Kursus-Kursus dijalankan sepanjang Januari – Mac 2006.

TARIKH	KURSUS	PESERTA
23 Februari 2006	Dialog Dengan Jabatan Perusahaan & Pembangunan Negeri Perak	Cik Noor Azian & Cik Naimatul Mastura
20 & 21 Mac 2006	"Business English Grammar for Non Executive"	Pn Hazlinda & Cik Naimatul Mastura
22 & 23 Mac 2006	Penyelesaian Masalah dan Membuat Keputusan Yang Berkesan	En Mohd Fadzillah

MUTIARA KATA

“KITA MESTI MEMPUNYAI SIFAT MENYUMBANG, JIKA MENKRITIK SAHAJA, TETAPI TIDAK MENYUMBANG, KEADAAN TIDAK AKAN BERUBAH”

Petikan dari UTUSAN MALAYSIA